

23 APR 2002

Abdullah-China (Bergambar)

ABDULLAH KUNJUNGI NAIB PRESIDEN CHINA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengunjungi Naib Presiden China Hu Jintao di Hotel Palace of Golden Horses di sini malam ini.

Hu dan rombongannya tiba pukul 5 petang ini untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Abdullah kemudian meraikan Hu dan isteri, Liu Yongqing, serta rombongan 65 orang dalam majlis makan malam di tempat yang sama.

Antara kenamaan yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalan-timbalan menteri.

Hu, yang membuat lawatan pertama ke Malaysia, tiba atas undangan Abdullah bagi mempereratkan hubungan dua hala dan melihat peluang ekonomi antara kedua-dua negara.

Hu, 60, yang diramal menggantikan Presiden China Jiang Zemin akhir tahun depan, mempunyai jadual ketat esok antaranya dengan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulail di Istana Negara.

Beliau akan memberikan ucapan khas anjuran Institut Kepimpinan Strategik Asia (Asli) dan juga akan menyaksikan penubuhan Majlis Perniagaan China-Malaysia.

Hu akan mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menghadiri mesyuarat delegasi di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya esok sebelum menghadiri jamuan makan malam di Seri Perdana.

Pada Khamis, Hu akan ke Pulau Pinang untuk lawatan sehari sebelum berlepas ke Singapura pada Jumaat.

-- BERNAMA

DC RV ZB MAI